



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***WACANA KRITIS DALAM PENENTUAN MAKNA PERKATAAN ARAB
BERDASARKAN PETUNJUK KONTEKS***

SYAZMIRA BINTI MANSOR

FBMK 2020 61



**WACANA KRITIS DALAM PENENTUAN MAKNA PERKATAAN ARAB
BERDASARKAN PETUNJUK KONTEKS**

Oleh

SYAZMIRA BINTI MANSOR

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Julai 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**WACANA KRITIS DALAM PENENTUAN MAKNA PERKATAAN ARAB
BERDASARKAN PETUNJUK KONTEKS**

Oleh

SYAZMIRA BINTI MANSOR

Julai 2019

Pengerusi : Profesor Madya Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Dalam linguistik Arab, konteks memainkan peranan penting dalam menentukan makna suatu perkataan terutamanya ketika berada dalam ayat atau teks. Kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran untuk mengetahui makna perkataan Arab sekiranya tidak memahami konteksnya secara tepat dan betul. Namun, perkataan, frasa atau ayat yang terdapat dalam teks mampu menjadi klu dan petunjuk kepada pelajar untuk memahami makna kontekstual perkataan Arab yang tidak diketahui atau kurang jelas maknanya. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti makna perkataan Arab yang difahami oleh pelajar secara kontekstual dengan menggunakan petunjuk konteks. Pengkaji juga akan menganalisis proses pemahaman pelajar dari sudut analisis wacana kritis dengan menggunakan model tiga dimensi yang dipelopori oleh Norman Fairclough. Penganalisan data dilakukan pada tiga peringkat iaitu analisis dimensi tekstual, dimensi amalan wacana dan dimensi proses sosial. Kajian ini menerapkan pendekatan kaedah lapangan melalui soalan ujian dan temu bual bersama 25 orang pelajar IPTA di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Pengkaji telah memilih dua puluh perkataan daripada lima keratan teks akhbar Arab dalam bidang yang berbeza iaitu sukan, politik, ekonomi, teknologi dan sosial. Perkataan yang dipilih adalah perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna dan boleh berubah-ubah maknanya mengikut konteks ayat. Pelajar dikehendaki untuk menentukan makna perkataan tersebut secara kontekstual dengan menyatakan petunjuk konteks yang terdapat dalam teks yang menjadi petunjuk kepada mereka menentukan makna tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa petunjuk konteks mampu membantu pelajar dalam memahami makna perkataan Arab dan meningkatkan lagi kefahaman pelajar tentang makna berdasarkan konteks ayat. Justeru penggunaan petunjuk konteks dalam memahami makna perkataan Arab amat wajar dipraktikkan dan dijadikan panduan kepada penuntut bahasa Arab untuk bukan penutur jati terutamanya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS IN THE DETERMINATION OF
ARABIC WORD MEANING BY USING CONTEXT CLUE**

By

SYAZMIRA BINTI MANSOR

July 2019

Chairman : Associate Professor Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

In Arabic linguistics, context plays an important role in determining the meaning of an Arabic word especially when it placed in a sentence or text. Most of the students find difficult to know the meaning of the Arabic word if they do not understand the context correctly and precisely. However, the words, phrases or sentences contained in the text can serve as a guide or clue for students to understand the contextual meaning of the unknown or unfamiliar Arabic words. Therefore, this study aimed to identify the meaning of Arabic words that students understand contextually by using context clue. The researcher will also analyze the students' understanding from the view of critical discourse analysis using a three-dimensional model introduced by Norman Fairclough. Data analysis was carried out in three stages which are analysis in textual dimension, discourse practice dimension and social practice dimension. This study adopts a field-based approach through test and interviews with 25 IPTA students around Kuala Lumpur and Selangor. The researcher has selected twenty words from Arabic news text in five different field; sport, politic, economy, social and technology. The word chosen is a word that has more than one meaning and can be interpreted differently in the context of a sentence. Students are required to define the meaning of the word contextually by stating the context clue in the text that guide them to determine that meaning. The finding shows that context clue can help students to understand the meaning of the Arabic words and enhance students' understanding of the meaning based on the context of the sentences. Thus, the use of context clue in understanding the meaning of the Arabic word should highly practiced and serves as a guide for Arabic language learners especially for non-native speaker.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke sekalian alam.

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga saya rafa'kan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat, taufik dan inayahNya saya dapat menyempurnakan tesis ini yang bertajuk “Analisis Wacana Kritis dalam Penentuan Makna Perkataan Arab oleh Pelajar Berdasarkan Petunjuk Konteks”.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof. Madya. Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar dan dibantu oleh Dr. Ab. Halim bin Mohamad yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, membimbing dan menyelia proses kerja-kerja penulisan tesis ini dari awal hingga akhir.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan UPM, terutamanya pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Sekolah Pengajian Siswazah UPM dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM kerana telah memberi kerjasama dan banyak membantu saya dalam memudahkan urusan menyempurnakan tesis ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat kedua ibu bapa saya yang tercinta, Mansor bin Mohd Yunus dan Siti Arfah binti Jamin yang tidak pernah jemu mendidik, membimbing serta mendoakan kejayaan saya dari kecil sehingga hari ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama menyempurnakan Ijazah Sarjana di UPM, Norfazirah bt Zakaria, Che Ku Norasiah bt Mohamad dan Nur Hurul Ain bt Asmuri, terima kasih di atas segala ilmu dan tunjuk ajar yang dikongsi bersama sepanjang menuntut ilmu di sini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan penulisan tesis ini.

Semoga segala usaha dan pengorbanan kita mendapat pandangan dan ganjaran yang sewajarnya daripada Allah SWT. Amin ya Rabbal ‘Alamin.

SYAZMIRA BINTI MANSOR
Zulhijjah 1440H/ September 2019M

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Pemahaman Makna Perkataan	2
1.2.2	Hubungan Makna Perkataan dengan Konteks	3
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.6.1	Kepentingan kepada Pelajar	5
1.6.2	Kepentingan kepada Guru dan Pensyarah	6
1.6.3	Kepentingan Terhadap Penguasaan Bahasa Arab	6
1.7	Batasan Kajian	6
1.8	Definisi Operasional	7
1.8.1	Makna Perkataan	7
1.8.2	Petunjuk Konteks	8
1.9	Rangka Kajian	8
1.10	Kesimpulan	9
2	SOROTAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Perkaitan Teks dengan Konteks	10
2.2.1	Jenis Konteks	12
2.3	Penentuan Makna	13
2.3.1	Makna Leksikal	14
2.3.2	Makna Kontekstual	15
2.4	Penentuan Makna Perkataan Berdasarkan Konteks	16
2.4.1	Penentuan Makna Perkataan Berdasarkan Petunjuk Konteks	17
2.4.2	Aplikasi Model Tiga Dimensi Fairclough dalam Penentuan Makna Perkataan Berdasarkan Petunjuk Konteks	18

2.5	Tinjauan Literatur Kajian yang Berkaitan dengan Penentuan Makna Perkataan Berdasarkan Konteks	20
2.6	Jurang Kajian	23
2.7	Kesimpulan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Kerangka Teori	26
3.4	Kerangka Konseptual	27
3.5	Kaedah Kajian	28
	3.5.1 Kaedah Kepustakaan	29
	3.5.2 Kaedah Lapangan	29
3.6	Tempat Kajian	31
3.7	Responden Kajian	31
3.8	Bahan Kajian	31
3.9	Tatacara Kajian	32
	3.9.1 Pemilihan Teks	32
	3.9.2 Pengekodan	33
	3.9.3 Kajian Sebenar	33
3.10	Penganalisan Data	33
3.11	Kesimpulan	34
4	ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN	35
4.1	Pendahuluan	35
4.2	Analisis Dimensi Tekstual	35
4.3	Analisis Dimensi Amalan Wacana	50
	4.3.1 Teks 1	50
	4.3.2 Teks 2	55
	4.3.3 Teks 3	59
	4.3.4 Teks 4	63
	4.3.5 Teks 5	66
4.4	Analisis Dimensi Proses Sosial	71
	4.4.1 Cara Membaca dan Memahami Perkataan Arab	71
	4.4.2 Cara Mendapatkan Petunjuk Konteks dalam Teks	74
	4.4.3 Kepentingan Petunjuk Konteks kepada Pelajar	77
4.5	Kesimpulan	81
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	82
5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Dapatan	82
	5.2.1 Rumusan Pemahaman Pelajar Terhadap Makna Perkataan Arab Secara Kontekstual	82
	5.2.2 Rumusan Proses Pemahaman Pelajar Terhadap Makna Perkataan Arab Melalui Petunjuk Konteks Berdasarkan Model Tiga Dimensi Norman Fairclough	83
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	84
5.4	Kesimpulan	84

RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR

86
91
100



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
4.1 Makna Perkataan Arab secara Kontekstual dalam Teks 1	36
4.2 Makna Perkataan Arab secara Kontekstual dalam Teks 2	39
4.3 Makna Perkataan Arab secara Kontekstual dalam Teks 3	42
4.4 Makna Perkataan Arab secara Kontekstual dalam Teks 4	45
4.5 Makna Perkataan Arab secara Kontekstual dalam Teks 5	48
4.6 Petunjuk Konteks bagi T1/ P1	50
4.7 Petunjuk Konteks bagi T1/ P2	51
4.8 Petunjuk Konteks bagi T1/ P3	52
4.9 Petunjuk Konteks bagi T1/ P4	53
4.10 Petunjuk Konteks bagi T2/ P1	55
4.11 Petunjuk Konteks bagi T2/ P2	56
4.12 Petunjuk Konteks bagi T2/ P3	57
4.13 Petunjuk Konteks bagi T2/ P4	58
4.14 Petunjuk Konteks bagi T3/ P1	59
4.15 Petunjuk Konteks bagi T3/ P2	60
4.16 Petunjuk Konteks bagi T3/ P3	61
4.17 Petunjuk Konteks bagi T3/ P4	62
4.18 Petunjuk Konteks bagi T4/ P1	63
4.19 Petunjuk Konteks bagi T4/ P2	64
4.20 Petunjuk Konteks bagi T4/ P3	65
4.21 Petunjuk Konteks bagi T4/ P4	66
4.22 Petunjuk Konteks bagi T5/P1	67
4.23 Petunjuk Konteks bagi T5/ P2	68
4.24 Petunjuk Konteks bagi T5/ P3	69
4.25 Petunjuk Konteks bagi T5/ P4	70

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Model Tiga Dimensi Norman Fairclough	27
3.2 Kerangka Konseptual Penyelidikan Analisis Wacana Kritis Penentuan Makna Perkataan Arab oleh Pelajar Berdasarkan Petunjuk Konteks	28



SENARAI SINGKATAN

AWK	Analisis Wacana Kritis
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
P	Perkataan
SAW	Sallallahualaihi wasallam
SWT	Subhanahuwataala
T	Teks

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memberi penerangan secara terperinci tentang latar belakang kajian yang dijalankan oleh pengkaji tentang penentuan makna perkataan Arab oleh pelajar berdasarkan petunjuk konteks. Dalam bab ini juga, pengkaji membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional yang digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengkajian bahasa semakin mendapat perhatian dalam kalangan ahli linguistik sejak mutakhir ini. Hal ini membuktikan bahawa bahasa adalah satu elemen penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak semua ahli linguistik yang memandangkan pengkajian bahasa lebih daripada aspek tatabahasa, morfologi dan sebagainya kerana kebanyakannya memandangkan bahasa berdasarkan unsur leksikal, gramatikal dan struktural semata-mata. Sedangkan bidang bahasa adalah jauh lebih luas dan mendalam daripada itu. Hal ini telah ditegaskan oleh Haris (1952) yang berhujah tentang keperluan untuk mengkaji bahasa secara komprehensif; sekurang-kurangnya tidak berhenti pada aspek struktur dalaman sahaja. Aspek luaran bahasa yang tepat mengelilingi ayat dan teks secara kontekstual, juga perlu dikaji untuk mendapatkan informasi yang sejelas-jelasnya.

Pendapat beliau selari dengan kemunculan bidang analisis wacana kritis (AWK) yang semakin berkembang dan mendapat perhatian pada hari ini bukan sahaja memberi sumbangan penting terhadap linguistik moden tetapi juga membawa dimensi baharu terhadap analisis bahasa. Menurut Darma (2009: 51), analisis wacana kritis tidak hanya difahami sebagai kajian bahasa yang mengkaji bahasa dari aspek kebahasaan semata-mata, tetapi juga menghubungkannya dengan konteks.

Hal ini menunjukkan wacana dan konteks merupakan dua elemen penting yang saling berkait antara satu sama lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Tarigan (1993), peranan dan fungsi bahasa bergantung kepada situasi dan keadaan serta konteksnya.

Justeru, pemerolehan makna perkataan dalam sesebuah teks tidak boleh didapati dengan hanya merujuk kepada kamus semata-mata tanpa mengambil kira konteks yang melatarinya. Setiap perkataan yang membina ayat dan teks sudah tentu memiliki makna kontekstual yang tersendiri untuk menggambarkan makna keseluruhan teks atau wacana.

Sesuatu wacana yang dihasilkan tanpa kehadiran unsur konteks berkemungkinan tidak menepati maksud sebenar dan ditafsirkan mengikut kefahaman pembaca dengan pelbagai tafsiran (Mohd Zuhir & Mohd Azidan, 2014). Oleh sebab itu, untuk mengenal pasti makna kontekstual tersebut, petunjuk konteks yang terdapat dalam teks juga memainkan peranan dalam membantu pencarian makna perkataan yang sesuai. Petunjuk konteks boleh terdiri daripada perkataan, frasa mahupun ayat yang mampu menjadi petunjuk dan dikaitkan dengan makna perkataan yang ingin dicari.

Selain itu, AWK difokuskan pada hubungan antara bahasa dengan pelbagai proses sosial dan juga usaha untuk menunjukkan penguatan dari segi konteks dalam bercakap atau melalui penulisan. (Xia & Hamuddin, 2019)

Oleh yang demikian, kajian ini akan merungkai proses sosial pelajar terhadap penentuan makna perkataan Arab yang tidak diketahui dengan menggunakan petunjuk konteks yang terdapat dalam sesebuah teks. Pengkaji juga akan menggunakan model tiga dimensi yang diperkenalkan oleh salah seorang sarjana dalam bidang AWK iaitu Norman Fairclough (1989) bagi menerangkan dan memperincikan proses sosial yang dilalui oleh pelajar dalam menentukan makna sesebuah perkataan Arab berdasarkan konteks yang melatarinya.

1.2.1 Pemahaman Makna Perkataan

Setiap perkataan mempunyai maknanya yang tersendiri untuk menyatakan takrif tentang sesuatu perkara atau benda. Pada hari ini, perbincangan dan kajian tentang makna telah mendapat perhatian utama dalam bidang bahasa (Zuhair, 2015). Menurut (Lado, 1984), makna adalah apa yang kita ertikan atau apa yang kita maksudkan. Setiap unit leksis bahasa seperti perkataan mempunyai bentuk atau ungkapan yang mempunyai isi dan makna yang terdapat pada kedudukan tertentu. Abdul Chaer (2007) pula mendefinisikan makna sebagai suatu pengertian atau konsep yang dimiliki atau terdapat pada sebuah simbol linguistik.

Walau bagaimanapun, dari segi hubungan antara makna dengan perkataan, Abdullah (2006) berpandangan bahawa kajian tentang makna adalah suatu bidang yang sukar dikaji berbanding kajian berkaitan sistem bahasa yang lain kerana kewujudan makna bersifat abstrak dan tidak berjisim. Malah dalam situasi tertentu, seseorang perlu meneka dan menduga atau mencari titik persefahaman makna daripada apa yang disampaikan oleh pengguna bahasa (Aisah, Nik Mohd Rahimi, Maimun Aqsha, & Aisyah, 2017).

Secara ringkasnya, terdapat tiga faktor yang menjadi titik penentu kepada pemahaman kosa kata yang digunakan iaitu, pilihan penggunaan, kebudayaan dan konteks (Requejo, 2007; Hibbard, 2009; Nation, 2013; Che Radiah & Norhayuza, 2013). Pilihan menentukan makna perkataan bermaksud makna yang terhasil bergantung kepada pilihan atau kemahuan pengguna bahasa. Makna yang ditentukan oleh budaya pula bermaksud penggunaan bahasa dikaitkan dengan konteks suatu

budaya. Manakala makna mengikut konteks merujuk kepada sesuatu situasi dan konteks ayat (linguistik) (Aisah et al., 2017).

1.2.2 Hubungan Makna Perkataan dengan Konteks

Pemerolehan makna perkataan dalam sesebuah teks atau wacana tidak boleh didapati secara leksikal atau makna tunggal semata-mata, tetapi perlu mengambil kira unsur konteks yang melatarinya. Pemahaman makna kosa kata berdasarkan konteks linguistik bermaksud suatu perkataan difahami maknanya dalam konteks ayat dan dalam struktur gramatis berasaskan peraturan dan prinsip nahu (Requejo, 2007) atau perkaitan makna dengan perkataan lain. (Benjamin, A. & Crow, 2009)

Menurut pandangan seorang ahli antropologi ternama, Hall (1974: 21), dalam kaitan dengan konteks menegaskan bahawa *“information taken out of context is meaningless and cannot reliably interpreted”*. Dalam pernyataannya, beliau menunjukkan bahawa dalam sebuah pertuturan atau teks itu mengandungi tiga aspek utama yang harus ada secara bersama-sama dan saling memerlukan antara satu sama lain, iaitu informasi, konteks, dan makna. Hymes (1972) juga berpendapat bahawa untuk memahami wacana haruslah dimulakan dengan memahami konteks. Ini terkandung dalam pernyataan beliau yang dipetik daripada Kramsch (1993: 34) yang berbunyi: *“The key to understanding language in context is to start not with language, but with context”*.

Berdasarkan pandangan yang dihuraikan oleh para sarjana seperti di atas, jelaslah bahawa penentuan makna sesuatu perkataan bukan hanya bergantung kepada makna tunggal semata-mata tetapi perlu mengambil kira aspek konteks yang digunakan dalam sesebuah teks atau wacana. Konteks bukan sahaja memberi kesan dalam pembinaan ayat, tetapi turut membantu dalam menentukan makna perkataan (Requejo, 2007).

Hal ini menunjukkan kepentingan memahami makna dan konteks perkataan dalam pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab. Disebabkan itu, perkara ini menjadi masalah dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua apabila mereka tidak mampu menentukan sesebuah makna perkataan Arab secara kontekstual. Hal ini seterusnya menyebabkan kegagalan pelajar dalam memahami makna perkataan secara tepat dan betul.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah lama bermula, namun begitu mengikut kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan (Azlan & Rosni, 2015). Meskipun pelajar telah mempelajari bahasa Arab sejak di peringkat pra-sekolah lagi, namun mereka masih gagal untuk menguasainya apabila memasuki institusi pengajian

tinggi. Ini bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Azlan (2013) yang mendapati masih banyak kesalahan bahasa yang dilakukan walaupun sudah berada di menara gading. Secara logiknya, dalam jangka masa yang lama ini, sepatutnya pelajar- pelajar sudah mampu memahami dan menguasai bahasa Arab sebaiknya. Namun realitinya hari ini masih ramai pelajar yang lemah dalam bidang bahasa Arab apatah lagi menguasainya.

Menurut Azlan Shaiful Baharum (2013) lagi, kebanyakan pelajar yang mengambil bidang bahasa Arab, hanya menguasai dan dapat mengaplikasikan sekitar 500 hingga 1000 patah kata sahaja sepanjang lima tahun di peringkat sekolah menengah. Hal ini menyebabkan pelajar mengalami kesukaran untuk mengetahui makna perkataan Arab apatah lagi menyesuaikan dengan pelbagai konteks. Kamarul (2009) juga berpandangan mereka sepatutnya menguasai lebih 3000 patah kata dalam tempoh yang sama. Keadaan ini turut diperakui oleh satu kajian yang dijalankan oleh Yusri, Rahimi, Shah, Wah, & Sahrir (2012) di sebuah universiti tempatan yang mendapati penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti berada pada tahap yang sederhana dan perlu kepada penambahbaikan. Abdul Halim dan Wan Muhammad (2006) berpendapat bahawa kelemahan ini semakin ketara dari sehari ke sehari.

Di samping itu, kelemahan pelajar dalam aspek kemahiran memahami makna kosa kata bahasa Arab turut membimbangkan (Aisah et al., 2017). Pelajar tidak memahami makna kosa kata yang terdapat dalam sesebuah teks yang dipelajari disebabkan pengetahuan yang terbatas tentang bahasa dan penguasaan kosa kata Arab yang rendah. Hal ini dikukuhkan dengan kajian yang dilakukan oleh Zheng (2012) mendapati bahawa aspek kefahaman makna kosa kata merupakan kemahiran yang paling sukar untuk diajarkan kepada pelajar. Hal ini dikaitkan dengan faktor konteks persekitaran yang kurang membantu pelajar untuk menguasai kosa kata yang diajarkan, faktor pembelajaran pelajar yang kurang kondusif, kurangnya pengetahuan sedia ada berkaitan kosa kata yang dipelajari.

Carver (1994), Hu dan Nation (2000) menjelaskan bahawa para pelajar memerlukan sekurang-kurangnya membaca 98% daripada keseluruhan perkataan yang terdapat dalam teks bacaan untuk tujuan pemahaman. Sekiranya pelajar tidak mampu memahami banyak maksud perkataan yang terdapat dalam teks tersebut, mana mungkin mereka dapat memahami maksud atau makna keseluruhan yang ingin disampaikan. Sokongan konteks juga memainkan peranan dalam kelancaran pertuturan serta penggunaan bahasa yang tepat (Nadwah dan Nadhilah, 2014). Menurut pandangan Wahyu dan Diyan (2019), konteks adalah situasi atau latar terjadinya suatu komunikasi. Di samping itu, Hibbard (2009) juga berpendapat salah satu teknik berkesan untuk membantu pelajar memahami makna kosa kata yang sukar adalah berdasarkan klu-klu yang terdapat dalam konteks ayat. Maklumat yang membekalkan makna perkataan dalam ayat dikenali sebagai petunjuk konteks (*context clue*). Aisah (2012) berpandangan bahawa strategi pemahaman makna kosa kata secara petunjuk konteks amat penting dan perlu diberi penekanan yang sewajarnya kepada pelajar. Baumann, J.F., Ware, D., dan Edwards (2007) berpandangan bahawa idea berkaitan petunjuk konteks kerap digunakan, tetapi kajian dan penyelidikan yang menyokongnya adalah agak samar-samar.

Hal ini menunjukkan bahawa dalam usaha pelajar memahami makna perkataan Arab secara kontekstual, petunjuk konteks memainkan peranan penting untuk membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap makna perkataan yang tidak diketahui. Justeru, kajian ini akan mengkaji kaedah penentuan pelajar terhadap makna perkataan Arab melalui model tiga dimensi yang diperkenalkan oleh sarjana analisis wacana kritis iaitu Norman Fairclough (1989). Dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan proses pemahaman pelajar terhadap perkataan Arab yang tidak diketahui maknanya dan melalui pemahaman petunjuk konteks yang terdapat dalam teks atau wacana.

1.4 Objektif Kajian

Pada umumnya, kajian ini dilakukan dengan tujuan dan objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti makna perkataan Arab yang difahami oleh pelajar secara kontekstual.
- ii. Menjelaskan proses pemahaman pelajar terhadap makna perkataan Arab melalui petunjuk konteks dalam teks berdasarkan model tiga dimensi Norman Fairclough (1989).

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini memfokuskan dua persoalan kajian, iaitu:

- i. Apakah makna perkataan Arab yang difahami oleh pelajar secara kontekstual?
- ii. Apakah proses pemahaman pelajar terhadap makna perkataan Arab melalui petunjuk konteks dengan menggunakan model tiga dimensi Norman Fairclough?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi manfaat dan kepentingan kepada beberapa pihak termasuk pelajar, tenaga pengajar seperti guru, pensyarah serta kepentingan dalam konteks pembelajaran bahasa. Antara kepentingan kajian ini ialah:

1.6.1 Kepentingan kepada Pelajar

Dalam aspek penentuan makna perkataan Arab, kajian ini dijangka dapat membantu pelajar mengatasi kelemahan dalam memahami dan menentukan makna Arab yang tepat dengan menggunakan petunjuk konteks. Kajian ini dapat memberi panduan kepada pelajar untuk menentukan makna perkataan Arab yang tidak diketahui

melalui petunjuk konteks yang terdapat dalam sesebuah teks atau wacana. Pelajar boleh meneka dan membuat andaian terhadap makna perkataan tertentu apabila ia digabungkan dalam satu ayat atau perenggan tanpa perlu mencari makna perkataan daripada kamus atau menterjemahkannya ke dalam bahasa ibunda. (Aisah et al., 2017)

1.6.2 Kepentingan kepada Guru dan Pensyarah

Kajian ini dijangka dapat membantu tenaga pengajar termasuk guru dan pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran terutamanya dalam aspek penentuan makna perkataan Arab berdasarkan konteks ayat yang terdapat dalam sesebuah teks atau wacana. Para guru dan pensyarah juga boleh menilai sejauh mana penguasaan pelajar terhadap sesuatu perkataan Arab yang baru ditemui dan disesuaikan dengan konteks. Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa dan ilmu-ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. (Khairatul Akmar, Ahmad Redzudin, Mohd Rofian, & Md Noor, 2014)

1.6.3 Kepentingan Terhadap Penguasaan Bahasa Arab

Dalam aspek penguasaan bahasa terutamanya bahasa Arab, kajian ini berguna kepada pengguna bahasa mengetahui selok-belok untuk memahami makna bagi sesuatu perkataan dengan betul dan tepat. Kemahiran yang terhasil ini akan menjadikan pengguna bahasa Arab sebagai bahasa kedua lebih matang apabila berinteraksi dan berkomunikasi dengan teks Arab di samping dapat meningkatkan kemahiran menggunakan sesuatu perkataan bersesuaian dengan konteks yang lebih berkesan. Menurut Zuhair (2015) sesuatu makna perkataan yang diperikan tanpa berasaskan konteks akan menyebabkan makna tersebut jauh menyimpang daripada makna sebenar yang ingin disampaikan.

Kajian ini juga dapat membuka mata pengguna bahasa Arab tentang fungsi dan kepentingan petunjuk konteks dalam membantu memahami makna perkataan Arab yang sukar atau jarang-jarang dijumpai dalam sesebuah teks atau wacana. Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh (Hibbard, 2009), kewujudan petunjuk konteks banyak membantu pelajar dalam memperbaiki dan meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran makna perkataan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan meneliti teks- teks berita dalam akhbar bahasa Arab yang diambil secara *online* di laman sesawang “*Al-Rai*” (<http://alrai.com/>). Kajian ini akan memfokuskan terhadap keratan teks berita yang ringkas dan boleh difahami oleh pelajar universiti tempatan di Malaysia.

Sebanyak lima teks berita yang akan dipilih daripada laman berita bahasa Arab tersebut sebagai bahan kajian. Teks berita tersebut terdiri daripada lima bidang yang berbeza-beza iaitu ekonomi, politik, sosial, sukan dan teknologi. Teks tersebut akan dijadikan sampel untuk diberikan kepada 25 orang responden dalam kalangan pelajar yang sedang mengikuti program pengajian bahasa Arab daripada lima buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam.

Kajian ini akan memusatkan analisis melalui model tiga dimensi yang dibawa oleh salah seorang sarjana dalam bidang analisis wacana kritis iaitu Norman Fairclough (1989) melalui dimensi tekstual dan amalan wacana. Daripada analisis tekstual dan amalan wacana, pengkaji akan menghubungkan kedua-dua dimensi tersebut dengan dimensi ketiga iaitu proses sosial dan konteks yang akan diaplikasikan dalam teks yang dikaji.

1.8 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini perlu dijelaskan dan diuraikan maksudnya selari dengan kehendak disiplin dan bidang kajian supaya tidak berlaku kekeliruan dan salah faham dalam menginterpretasi sesuatu istilah. Berikut merupakan konsep-konsep asas kajian berdasarkan huraian operasionalnya mengikut rangka pemikiran pengkaji dengan disokong oleh pendapat sarjana bahasa.

1.8.1 Makna Perkataan

Sesuatu perkataan atau kosa kata tidak akan diketahui dan difahami melainkan dengan mengetahui maknanya. Makna merupakan elemen yang sangat penting dalam bahasa dan tidak boleh dipisahkan (Leech, 1974). Makna merujuk kepada maksud, menandakan, erti perkataan, tafsiran ayat, atau apa yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis dalam geraklaku perhubungan dan usaha menerangkan makna dari segi hubungan penamaan yang wujud antara perkataan dengan benda yang dirujuknya (Kempson, 1991).

Dalam konteks kajian ini, makna perkataan dibahagikan kepada dua jenis iaitu makna leksikal dan makna kontekstual. Makna leksikal bermaksud sesuatu perkataan diberi definisi atau erti berpandukan kamus tanpa disertakan dengan teks. Jenis makna ini juga dikenali sebagai makna denotatif (Nathesan, 2016). Pembaca hanya mengetahui makna perkataan secara tunggal dan memahami maknanya secara leksikal semata-mata.

Manakala makna kontekstual merujuk kepada makna perkataan yang difahami berdasarkan konteks ayat yang terdapat di dalam teks. Perkataan tersebut kemungkinan mempunyai erti atau makna yang berbeza apabila digunakan dalam keadaan dan konteks yang berlainan. Justeru pembaca perlu menggunakan pengetahuan sedia ada dan melibatkan proses kognitif dalam menentukan makna perkataan tersebut supaya dapat difahami dengan jelas dan tepat. Menurut Suarji (2008), makna kontekstual (*contextual meaning; situational meaning*) muncul hasil daripada hubungan antara ujaran dan situasi ketika ujaran tersebut digunakan. Beliau juga berpendapat bahawa makna kontekstual adalah makna perkataan yang sesuai dengan konteksnya. Makna konteks juga berkait rapat dengan situasinya iaitu tempat, waktu, persekitaran dan penggunaan perkataan tersebut (Abdul Chaer, 2007).

1.8.2 Petunjuk Konteks

Maksud petunjuk konteks dalam kajian ini adalah petunjuk yang terdiri daripada perkataan, frasa atau ayat yang terdapat dalam keratan teks akhbar Arab yang dapat membantu pelajar dalam mentakrifkan sesuatu makna perkataan yang sukar atau jarang dijumpai. Kadang kala petunjuk konteks tersebut berada dalam satu ayat yang sama dengan perkataan yang ingin dimaksudkan. Namun ada juga petunjuk konteks yang ditemui dalam ayat atau perenggan berikutnya atau sebelumnya. Petunjuk konteks dapat membantu pembaca memahami makna perkataan yang tidak diketahui dengan menggunakan petunjuk yang berada dalam sesebuah teks. Menurut pandangan Hibbard (2009), maklumat yang membekalkan makna perkataan dalam ayat dikenali sebagai petunjuk konteks.

Petunjuk konteks mampu membantu pembaca untuk mengenal pasti dan membina makna perkataan. Memahami petunjuk boleh dianggap sebagai satu faktor usaha dalam pembaca memahami ayat dan petunjuk konteks dapat mempengaruhi pemahaman membaca dalam kalangan bukan penutur jati (Mahmoud, 2016) . Bermula dengan proses menggunakan petunjuk konteks untuk mengenali sesuatu perkataan mungkin lebih berkesan kepada pembaca kerana lebih mudah untuk membina makna perkataan (Allen.L, 1998). Petunjuk konteks boleh membantu mewujudkan interaksi antara pembaca dengan teks yang dapat membantu menyokong proses menentukan makna perkataan yang tidak diketahui (Hibbard, 2009).

1.9 Rangka Kajian

Kajian yang dijalankan ini merangkumi lima bab iaitu:

Bab 1: Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menerangkan latar belakang kajian di samping

menyatakan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

Bab 2: Sorotan Literatur

Bab ini berkisar tentang konsep dan landasan teori yang digunakan oleh pengkaji. Bab ini juga menghuraikan fakta, teori, pendapat, penilaian dan juga tajuk-tajuk kajian yang mempunyai kaitan dengan tajuk pengkaji. Kajian-kajian lepas yang dibincangkan berkait secara langsung mahupun tidak langsung dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Di samping itu juga, pengkaji akan cuba mengenal pasti kewujudan jurang kajian yang belum pernah dikaji dalam kajian- kajian lepas.

Bab 3: Metodologi Kajian

Bab ini akan membentangkan tentang metodologi kajian secara terperinci yang menjadi garis panduan dan tunjang utama dalam sesebuah kajian. Pengkaji akan menerangkan prosedur dan kaedah kajian yang diguna pakai dalam kajian ini bagi mendapatkan hasil yang bertepatan dengan objektif kajian. Bab ini juga akan merangkumi reka bentuk kajian, tempat kajian, bahan kajian seterusnya tatacara pengumpulan data bagi memperolehi data dan maklumat bagi kajian ini.

Bab 4: Analisis Dapatan dan Perbincangan

Bab ini akan membentangkan tentang analisis daripada data yang telah berjaya diperolehi oleh pengkaji daripada sesi ujian dan temubual. Setelah data dianalisis, pengkaji akan membuat intepretasi terhadap dapatan kajian dan membincangkannya selari dengan persoalan kajian dan objektif kajian.

Bab 5: Rumusan dan Cadangan

Hasil perbincangan yang dilakukan oleh pengkaji dalam bab empat, pengkaji membuat kesimpulan dan rumusan daripada dapatan kajian yang diperolehi. Pengkaji turut mengemukakan pandangan dan saranan sebagai panduan untuk pengkaji- pengkaji akan datang bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran bahasa dan kajian linguistik di Malaysia.

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pengkaji berpendapat bahawa kemampuan pelajar dalam menentukan makna perkataan Arab boleh ditingkatkan dengan bantuan petunjuk konteks yang terdapat dalam sesebuah teks atau wacana. Penentuan makna perkataan yang betul dan tepat perlu dititikberatkan supaya pelajar tidak mengintepretasi sesuatu ayat atau teks bertentangan dengan maksud yang sebenarnya. Justeru, dengan menggunakan model tiga dimensi daripada sarjana analisis wacana kritis, Norman Fairclough (1989), kaedah dan proses penentuan pelajar terhadap makna perkataan Arab dapat dikaji dan diteliti dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. (1990). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta. Penerbit PT Rineka Cipta.
- Abdul Chaer. (2007). *Leksikologi & Leksikografi Indonesia*. Jakarta. Penerbit PT Rineka Cipta.
- Abdul Ganing L, Ab Razak Karim, & Rohaidah Haron (2019). Konteks dan Lakuan Bukan Bahasa dalam Artikel Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Isu 1MDB. *Journal of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol. 16, No.2*, pp. 1-21
- Afflerbach, P. (2000). Verbal Reports and Protocol Analysis. *Handbook of Reading Research (3)*: 153–162.
- Aisah, H., Nik Mohd Rahimi, N. Y., Maimun Aqsha, L., & Aisyah, S. (2017). Amalan Strategi Pemahaman Makna Kosa Kata Bahasa Arab Berasaskan Konteks Penggunaan Dalam Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), 1*(September), 53–66.
- Allen.L. (1998). An Integrated Strategies Approach: Making Word Identification Work for Beginning Readers. *The Reading Teacher Vol. 52, No. 3, Teachers' Choices 1998: Best New Children's Books (Nov., 1998): 254-268*
- Aminuddin. (2003). Semantik Pengantar Studi Tentang Makna. *Mutawatir : Jurnal KeilmuanTafsir Hadis*. Bandung.
- Azlan Shaiful Baharum. (2013). *Kesalahan Bahasa Dalam Penulisan Berformat Dalam Kalangan Pelajar Pengkhususan Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azlan Shaiful Baharum, & Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. *Sains Humanika, 1*(2007), 35–42.
- Baig, M. (2013). Analyzing the Advertising Discourse- A Journey from Sight to Mind. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature, 2*(1), 126–135. Doi: 10.7575/ijalel.v.2n.1p.126
- Baumann, J.F., Ware, D., & Edwards, E. C. (2007). “Bumping Into Spicy, Tasty Words That Catch Your Tongue”: A Formative Experiment on Vocabulary Instruction. *The Reading Teacher Vol. 61, No. 2 (Oct., 2007)*, pp. 108-122
- Benjamin, A. & Crow, J. T. (2009). *Vocabulary at the Center*. Larchmont, New York: Eye on Education.
- Berrin Manga Çetinavcı. (2014). Contextual Factors in Guessing Word Meaning from Context in A Foreign Language. *ASA Refresher Courses in Anesthesiology*. Doi: 10.1109/TDEI.2009.5211872
- Bloomfield. (1933). *Language*. United States. University Of Chicago Press.

- Butler, J. (2004). *Undoing Gender*. New York. Routledge
- Carver, R. (2000). Percentage of Unknown Vocabulary Words in Text as A Function of The Relative Difficulty of the Text: Implications for Instruction,. *Journal of Reading Behaviour*.
- Çetinavcı, B. M. (2014). Contextual Factors in Guessing Word Meaning from Context in a Foreign Language. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116(1999), 2670–2674. Doi: 10.1016/j.sbspro.2014.01.633
- Croft, W. & D. A. C. (2003). *Cognitive Linguistic*. Cambridge. Cambridge University Press.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and Discourse: A Resource Book for Students*. London. Discourse Analysis Roulledge.
- Darma, Yoce, A. (2009). *Analisis Wacana Kritis*. Bandung. Yrama Widya.
- Darwis Harahap. (1994). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dash, N. S. (2008). Context and Contextual Word Meaning. *SKSE Journal of Theoretical Linguistic*, 21–31.
- Dijk, V. (2003). *The Discourse-Knowledge Interface*. Palgrave Macmillan.
- Dijk, T. A. van. (2009). *Discourse and Context: A Sociocognitive Approach*. United Kingdom. Cambridge University Press.
- Firth, J. (1957). Modes of Meaning. *Papers in Linguistics*. Oxford University Press.
- Fukkink, R. G. (2005). Deriving Word Meaning from Written Context: A Process Analysis. *Learning and Instruction*, 15(1), 23–43. Doi: 10.1016/j.learninstruc.2004.12.002
- Goerss, B., Beck, I. L., & McKeown, M. G. (1999). Increasing Remedial Students' Ability to Derive Word Meaning from Context. *Journal of Reading Psychology*. Doi: 10.1080/027027199278457
- Gorelova, Y. (2015). Semantic Context Clues in Expository Texts for TOEFL iBT Reading Section Preparation. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(1), 551–559. Doi: 10.5901/mjss.2015.v6n1p551
- Haji Omar, A. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, E. T. (1974). *Beyond Culture*. New York. Doubleday.
- Halliday, M. A. K. & Hasan, R. (1985). *Language, Context, and Text: Aspect of Language in Social Semiotic Perspective*. Hong Kong. Oxford University Press.
- Haris, Z. S. (1952). Discourse Analysis. *Linguistic Society of America Vol. 28, No. 1 (Jan. - Mar, 1952)*. 1-30
- Harmon, J. (1999). Initial Encounters with Unfamiliar Words in Independent Reading. *Research in the Teaching of English*. 33 (3). 304-338

- Hibbard, R. (2009). The Effects of Context Clue Instruction on Finding an Unknown Word. 1–29.
- Hu, M. & N. (2000). Vocabulary Density and Reading Comprehension. *Reading in a Foreign Language*. 13, 403-430
- Hymes, T. (1972). On Communicative Competence. In. J.B. Pride & J. Holmes (Eds.) *Sociolinguistics*.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kanatlar, M. (1995). *Guessing Words in Context Strategies Used by Beginning and Upper-intermediate Learners*. PhD Thesis. Bilkent University.
- Kempson, R. (1991). *Teori Semantik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazal, Mohd Rofian Ismail, & Md Noor Hussin. (2014). Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, 2014*(Mac), 559–575.
- Kramsch, C. (1993). *Context and Culture in Language Teaching*. London. Oxford University Press.
- Lado, R. (1984). *Mengajar Bahasa Suatu Pendekatan Saintifik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. (1974). *Semantics: The Study of Meaning*. England. Penguin Books.
- Leech, G. (1983). *The Principle of Pragmatics*. New York. Longman Group Limited.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to Theoretical Linguistic*. London. Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1977). *Semantics Vol 1 & 2*. Cambridge. Cambridge University Press.
- Mahmoud, S. S. (2016). How Contextual Clues and Nonsense Words Facilitate Reading Comprehension. *Journal of Language Teaching and Research*, 7(1), 88–98. Doi: 10.17507/jltr.0701.10
- Md Nor Hj. Abd. Ghani *et al.* (2005). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2011). *Analisis Wacana Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zuhir Abd. Rahman & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2014). *Pengaruh Budaya Tempatan dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah*. ElSevier. 134 (2014). 373-381
- Mohd Zuhir Abd. Rahman & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2016). Pengaplikasian Unsur Konteks Budaya Tempatan dalam Pembelajaran Wacana Arab. *Jurnal Al-Anwar*, 2(2). 93-111

- Mokhtar, A. A., & Mohd Rawian, R. (2012). Guessing Word Meaning from Context Has Its Limit: Why?. *International Journal of Linguistics*, 4(2), 288–305. Doi: 10.5296/ijl.v4i2.1237
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisai. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14 (1), pp. 117-133
- Nathesan, S. (2016). 5 Teori Semantik dalam Kajian Kepustakaan. *Jurnal Bahasa Volume*, 3(1). 108-135
- Nida, E. A. (1975). *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague. Mouton.
- Norman Fairclough. (1989). *Language and Power*. United Kingdom. Longman Group Limited.
- Norman Fairclough. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London. Longman.
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin. (2016). *Penggunaan Google Translate dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab*. Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam 2016.
- Nursetiaaji, S. (2015). *Analisis Makna Kontekstual dan Proses Semiosis Tanda pada Slogan Iklan Minuman Energi di Laman Youtube*. Tesis Sarjana. Universiti Muhammadiyah Purwokerto.
- O’Grady, W, D. (1996). *Contemporary Linguistics: An Introduction*. Canada. Longman.
- Portal Berita Arab Al-Ra’i. Diambil daripada <http://alrai.com/article/>
- Raja Mukhtaruddin Bin Raja Mohd Dain. (1982). *Pembinaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reardon, K. T. (2011). To What Degree Will Learning to Use Context Clues Impact Students’ Reading Comprehension Scores?. Master Thesis. University of Wisconsin
- Requejo, M. P. (2007). The Role Of Context In Word Meaning Construction: A Case Study. *International Journal of English Studies*, 7(1). 169–173.
- Richardson, J. E. (2007). *Analysing Newspapers: An Approach from Critical Discourse Analysis*. Palgrave Macmillan.
- Sanders, S. (2006). Text and Text Analysis. *Language and Linguistics*.
- Siti Rasidah Mohd Hakim, Wan Muhammad Wan Sulong, & Mohd Sukki Othman. (2016). Pengaruh Konteks Situasi terhadap Variasi Lafaz Munada Nabi Muhammad SAW dalam Al-Quran. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1). 48–58.
- Song, L. (2010). The Role of Context in Discourse Analysis. *Journal of Language Teaching and Research*, 1(6), 876–879. Doi: 10.4304/jltr.1.6.876-879

- Soria, J. (2001). A Study of Ilokano Learners' Lexical Inferencing Procedures through Think –Aloud. *Second Language Studies*, 19(2). 77-110
- Suarji, S. (2008). *Semantik Pengantar Kajian Makna*. Yogyakarta. Media Perkasa.
- Swann, J., Deumert, A., Mesthrie, R. & Lillis, T. (2004). *Dictionary of Sociolinguistics*. United Kingdom. Edinburgh University Press.
- Tarigan. (1993). *Pengajaran Wacana*. Bandung. Penerbit Angkasa Bandung.
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Waern, Y. (1988). Thoughts on Text in Context: Applying The Think-Aloud Method To Text Processing. *Journal for the Study of Discourse*, 8(4). 327–350
- Wahyu Oktavia & Diyan Zuliyandari. (2019). Analisis Wacana Tekstual dan Kontekstual dalam Naskah Drama Bunga Rumah Makan Karya Utuy Tatang Sontani. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*. 15(2). pp. 223-233
- Widdowson, H. (2000). *Linguistics*. Shanghai. Shanghai Foreign Language Education Press.
- Wildermuth. (2009). Qualitative Analysis of Content. *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*. Westport: Libraries Unlimited.308-319
- Wilson, A. (2013). *The Impact of Inferring Word Meaning: Context Clues*. Masters of Arts in Education Action Research Papers. St. Catherine University.
- Wodak, R., & Krzyzanowski, M. (2008). *Qualitative Discourse Analysis in the Social Sciences*. New York. Palgrave Macmillan.
- Xia, Z. L., & Hamuddin, B. (2019). Reviewing Critical Discourse Analysis (CDA) Studies : Ideas from Chinese Scholars, *Journal of Research and Innovation in Language*, 1(1). 23–28.
- Yuen, J. (2009). *Context Clue Detectives: Empowering Students with a Self-Learning Device through the Teaching of Context Clues*. Master's Thesis. University of California.
- Yusri, G., Rahimi, N. M., Shah, P. M., Wah, W. H., & Sahrir, M. S. (2012). Penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 505–520.
- Zheng, S. (2012). Studies and Suggestions on English Vocabulary Teaching and Learning. *English Language Teaching*, 5(5), pp.129–135. Doi: 10.5539/elt.v5n5p129
- Zuhair, M. (2015). *Makna Ujaran Tak Langsung Dalam Skrip Drama Terpilih Dari Sudut Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia